# Majlis Sambutan Aidiladha, Ibadah Korban bagi Tahun 1439 Hijrah / 2018 Masihi

## Pasukan Polis Diraja Brunei

Berita dan Foto : Aimi Sani

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Khamis, 23 Ogos. - Ibadah korban yang hanya berlaku pada setiap bulan Zulhijjah, merupakan satu lagi peluang bagi umat Islam untuk melipatgandakan saham akhirat yang menjanjikan suatu keuntungan yang berlipat kali ganda.

Secara pastinya, keuntungan mengerjakan ibadat korban ini ialah janji Allah Subhanahu Wata'ala dengan ganjaran atau pahala yang amat banyak kepada sesiapa yang melakukannya dan peluang yang sangat terhad ini sepatutnya kita rebut dalam melakukan ibadah korban agar tidak terlepas begitu saja.

Sehubungan itu, Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB) mengadakan Majlis Ibadah Korban sempena Hari Raya Aidiladha bagi Tahun 1439 Hijrah / 2018 Masihi yang berlangsung di Stadium Hassanal Bolkiah, Ibu Pejabat Polis Gadong.

Hadir selaku tetamu kehormat pada majlis tersebut Pesuruhjaya Polis, Dato Paduka Seri Awang Haji Mohd. Jammy bin Haji Muhd. Shah Al-Islam.

Turut hadir, Timbalan Pesuruhjaya Polis, Dato Seri Pahlawan Awang Haji Mohammad Irwan bin Haji Hambali; Penguasa Kanan Polis Pengiran Zaidi bin Pengiran Haji Metali selaku Pengerusi Badan Ugama Islam (BUI) PPDB; pengarah-pengarah jabatan; pegawai-pegawai; anggota dan warga Pasukan PPDB.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan takbir Hari Raya dipimpin oleh Imam Surau Polis Gadong, APO SM 6924 Pengiran Haji Ludin bin Pengiran Haji Mat Tahir diikuti dengan pengagihan daging-daging korban oleh tetamu kehormat dan diakhiri dengan bacaan Doa Selamat.

Pada tahun ini, Pasukan Polis mengorbankan lima ekor sapi daripada seramai 35 peserta terdiri daripada warga pasukan dan warga awam. Majlis korban ini diungkayahkan oleh Badan Ugama Islam Pasukan PDB.



PESURUHJAYA Polis, Dato Paduka Seri Awang Haji Mohd. Jammy bin Haji Muhd. Shah Al-Islam (dua, kanan) selaku tetamu kehormat pada Majlis Ibadah Korban sempena Hari Raya Aidiladha bagi Tahun 1439 Hijrah / 2018 Masihi menyampaikan pengagihan daging korban kepada salah seorang pegawai.

## Mukim Liang

Berita dan Foto : Noraisah Haji Muhammed



AHLI Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Haji Abdul Hamid bin Haji Mumin semasa menyampaikan agihan daging-daging korban kepada penerima.

**SUNGAI LIANG,** Jumaat, 24 Ogos. - Ibadah korban merupakan antara amalan-amalan sunat yang sangat dituntut dan disukai oleh Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam kerana ia mempunyai banyak hikmah dan kelebihannya.

Syarikat Brunei Metanol Sdn. Bhd. (BMC) mengadakan Majlis Hari Raya Korban di Masjid Kampung Sungai Liang.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah yang dipimpin oleh Bilal Masjid Sungai Liang, Awang Ikhwan bin Irwandy, diikuti dengan Takbir Hari Raya oleh pekerja Syarikat Brunei Metanol, Belia Masjid Kampung Sungai Liang dan Ahli Jawatankuasa Takmir Masjid.

Pengagihan daging-daging korban kepada para Kakitangan Syarikat BMC dan orang awam yang disampaikan oleh tetamu kehormat Pemangku Ketua Kampung Sungai Liang, Awang Haji Ibrahim bin Dato Maharaja Setia Dian.

Turut hadir pada majlis tersebut ialah Pegawai Eksekutif, Awang Saifullilah bin Haji Ahmid, Pengurus dan Kakitangan Syarikat BMC, Ahli Jawatankuasa Masjid Sungai Liang dan belia serta Penduduk Kampung Sungai Liang.

Sementara itu, majlis yang sama juga diungkayahkan oleh Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Haji Abdul Hamid bin Haji Mumin juga Penghulu Mukim Liang, Daerah Belait berserta keluarga.

Ia diadakan di kediaman beliau dengan agihan daging-daging korban kepada para penduduk Mukim Liang yang dikategorikan sebagai asnaf yang layak menerima, kurang berkemampuan dan jemputan yang hadir.

Menjadi harapan agar segala amal kebajikan dan ibadah korban yang dilakukan akan sentiasa diredai, diterima dan mendapat ganjaran daripada Allah Subhanahu Wata'ala.

## UNISSA



REKTOR UNISSA, Dr. Awang Haji Norarfan bin Haji Zainal (kanan) hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Ibadah Korban dan Aqiqah sempena Hari Raya Aidiladha 1439 Hijrah dan seterusnya mengagih-agihkan daging korban kepada para peserta.

Siaran Akhbar dan Foto : Universiti Islam Sultan Sharif Ali

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Khamis, 23 Ogos. - Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) melalui Bahagian Hal Ehwal Pelajar (HEP) dengan kerjasama Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) mengungkayahkan Majlis Ibadah Korban dan Aqiqah sempena Hari Raya Aidiladha 1439 Hijrah.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis, Rektor UNISSA, Dr. Awang Haji Norarfan bin Haji Zainal dan seterusnya mengagih-agihkan daging korban kepada para peserta.

Tahun ini, seramai 28 peserta terdiri daripada pegawai dan kakitangan UNISSA serta keluarga masing-masing, melaksanakan ibadah korban dan aqiqah, manakala dagingnya diagih-agihkan kepada fakir miskin sekitar kampus dan warga UNISSA.

Umat Islam sedia maklum bahawa ibadah korban merupakan satu ibadah sunnah yang diangkat kemuliaannya oleh Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam.

Ia merupakan satu manifestasi mensyukuri nikmat Allah Subhanahu Wata'ala dan membolehkan mereka yang berkemampuan berkongsi rezeki dengan golongan yang kurang berkemampuan, termasuklah fakir dan miskin.

Atas dasar ini, umat Islam menyemarakkan ibadah yang mulia ini sebagai ibadah tahunan untuk dilaksanakan, sama ada di peringkat keluarga atau kelompok masyarakat mahupun di peringkat organisasi atau institusi.

Justeru, mengambil berat tentang kepentingan ibadah korban, majlis ini diadakan setiap tahun bagi menggalakkan warga UNISSA untuk berkongsi rezeki dan mensyukuri nikmat Allah Subhanahu Wata'ala.

Dengan adanya majlis ini, suasana kekeluargaan dan semangat persaudaraan akan dirasai oleh setiap lapisan warga UNISSA.

Turut hadir, para pegawai dan kakitangan UNISSA serta para mahasiswa dan mahasiswi UNISSA.

## PKP, BAKANITA, PEWAJA dan BASMIDA

Berita dan Foto : Dk. Vivy Malessa Pg. Ibrahim



DATIN Hajah Masni binti Haji Muhammad Ali ketika ditemui menjelaskan mengenai tujuan majlis sambutan tersebut diadakan.

**JERUDONG,** Khamis, 23 Ogos. - Seramai 33 Ahli Persatuan PKP, BAKANITA, PEWAJA dan BASMIDA mengadakan Majlis Sambutan sempena Hari Raya Aidiladha yang berlangsung di Ar-Raiyan, Kampung Jerudong, di sini.

Majlis tersebut dihoskan oleh Datin Hajah Masni binti Haji Muhammad Ali.

Menurutnya, majlis bertujuan bagi mengeratkan hubungan silaturahim di kalangan ahli-ahli persatuan berkenaan, dalam sama-sama menyambut Hari Raya Aidiladha, iaitu Hari Raya Korban.

"Di Hari Raya ini, kita disunatkan mengingatkan pengorbanan Nabi Ibrahim di atas perintah Allah Subhanahu Wata'ala, yang mana pengorbanan tersebut amat tinggi nilainya," ujarnya.

Majlis didahului dengan bacaan Surah Al-Fatihah beramai-ramai diikuti Al-Asma'u Al-Husna serta laungan Takbir Hari Raya Aidiladha, Tahlil dan Doa Tahlil.